A

# Muo Obi Benjamin lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-64–01 TAHUN 2018
HAMID SULTAN, HADHARIAH SYED ISMAIL DAN NORDIN HASSAN HHMR
7 JANUARI 2022

C

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati — Sabitan kesalahan mengedar dadah digantikan dengan sabitan kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Hukuman setimpal bagi kesalahan pemilikan dadah*

D

Perayu telah disabitkan oleh hakim Mahkamah Tinggi bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine, di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan dijatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati. Pada 5 Oktober 2014, lebih kurang jam 7 malam, perayu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') dengan penerbangan Ethiopian Airlines. Perayu kemudian telah meletakkan beg galas perayu berserta beg silang dan beg plastik berzip yang dibawa oleh perayu ke atas mesin pengimbas di KLIA tersebut untuk diimbas. Pegawai kastam ('SP1') mendapati suatu imej yang mencurigakan ketika beg galas perayu tersebut diimbas dan mengarahkan perayu membawa beg-beg perayu ke kaunter pemeriksaan untuk pemeriksaan lanjut. Di dalam beg galas perayu, SP1 menemukan lapan paket aluminium yang tersorok yang mengandungi serbuk putih di dalam poket palsu yang dijahit pada seluar seluar jeans yang dijumpai dalam beg galas tersebut. Ujian kimia dilakukan pada serbuk putih tersebut dan serbuk putih tersebut mengandungi dadah berbahaya iaitu 1,492.6g methamphetamine. Perayu kemudiannya telah ditangkap dan beg-beg perayu tersebut dirampas. Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu dan perayu dipanggil untuk membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim Mahkamah Tinggi mendapati pihak perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap perayu dan mensabitkan perayu bagi kesalahan mengedar dadah dan menjatuhkan hukuman gantung sehingga mati terhadap perayu. Rayuan perayu ini adalah terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan. Pihak-pihak bersetuju bahawa sabitan bagi kesalahan mengedar dadah digantikan dengan sabitan bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 12(2) Akta.

E

F

G

H

I

**Diputuskan**:

(1) Hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu dalam kesalahan pemilikan dadah ini bukan sahaja memberi pengajaran kepada perayu untuk tidak melakukan kesalahan yang sama dan dapat berubah menjadi seorang yang baik tetapi yang lebih utama lagi, hukuman yang dijatuhkan dapat membantu menggelakkan orang lain melakukan kesalahan yang sama. Faktor terlalu bersimpati terhadap perayu atau keluarganya tidak seharusnya menjadi penghalang untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal bagi kesalahan serius yang perayu lakukan. Faktor tersebut hendaklah diimbangi dengan faktor kepentingan awam. Berdasarkan 'trend' hukuman, hukuman penjara bagi kesalahan pemilikan dadah methamphetamine dengan jumlah beratnya lebih kurang seperti berat pemilikan dadah oleh perayu adalah di antara 17 tahun sehingga 20 tahun penjara. Oleh itu, hukuman yang setimpal bagi kesalahan yang dilakukan adalah penjara 17 tahun dari tarikh tangkap dengan sepuluh sebatan rotan (lihat perenggan 17–18, 23 & 25).

**[English summary**

The appellant was convicted by the High Court judge for the offence of trafficking dangerous drugs of methamphetamine, under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and was sentenced to be hanged by the neck to death. On 5 October 2014, at approximately 7pm, the appellant arrived at the Kuala Lumpur International Airport ('KLIA') on an Ethiopian Airlines flight. The appellant then placed his backpack together with the cross bag and the zipped plastic bag carried by him on the scanner machine at the KLIA to be scanned. The customs officer ('SP1') found a suspicious image when the appellant's backpack was scanned and ordered the appellant to bring the bags to the examination counter for further inspection. Inside the appellant's backpack, SP1 found eight hidden aluminium packets containing white powder in a fake pocket sewn on the jeans found in the backpack. Chemical tests were performed on the white powder and the white powder contained dangerous drug ie 1,492.6g of methamphetamine. The appellant was later arrested and the appellant's bags were confiscated. At the end of the prosecution case, the High Court judge held that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case against the appellant and the appellant was called to defend himself. At the end of the defence case, the High Court judge found that the appellant had failed to raise any reasonable doubt against the appellant and convicted the appellant of drug trafficking and sentenced the appellant to death by hanging. The appeal was against the conviction and sentence imposed. The parties agreed that the conviction for the offence of drug trafficking to be substituted for a conviction for the offence of possession of dangerous drugs under s 12(2) of the Act.

**Held**:

(1) The sentence passed on the appellant in this drug possession offence was not only to serve as a lesson to the appellant not to commit the same offence and to turn into a good person but more importantly, the sentence passed could help prevent others from committing the same offence. The factor of being too sympathetic to the appellant or his family should not be an obstacle in imposing an appropriate punishment for the serious offence committed by the appellant. The factor must be balanced with factors of public interest. Based on the trend of sentencing, the imprisonment sentence for the offence of possession of methamphetamine drugs with a total weight approximately equal to the weight of drug possession by the appellant was between 17 years to 20 years of imprisonment. Therefore, the appropriate punishment for the offence committed was 17 years imprisonment from the date of arrest with ten strokes of the cane (see paras 17–18, 23 & 25).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Alma Nudo Atenza v PP and another appeal* [2019] 4 MLJ 1, MP (dirujuk)
*PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(d), (da), 37A, 39B, (1)(a), (2)

**Rayuan daripada:** Perbicaraan Jenayah No 45A-55–06 Tahun 2015 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

*Ariff Azami Hussein (Azizul & Ariff) bagi pihak perayu.*
*Gan Chee Kheong (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

**Nordin Hassan HMR:**

PENDAHULUAN

**[1]** Muo Obi Benjamin, seorang warganegara Nigeria dan merupakan perayu dalam rayuan kes ini. Perayu telah disabitkan oleh hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine, di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') dan dijatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

**[2]** Semasa rayuan kes ini didengar, peguam perayu memaklumkan bahawa pihak perayu dan timbalan pendakwaraya telah bersetuju untuk sabitan terhadap perayu bagi kesalahan di bawah s 39B(1)(a) digantikan dengan kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 12(2) Akta yang sama. Asas persetujuan ini adalah kerana hakim Mahkamah Tinggi dalam mencapai keputusannya telah menguna pakai anggapan berganda yang ketika itu adalah

betul di bawah s 37A ADB 1952. Walau bagaimanapun, dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 4 MLJ 1 yang memutuskan bahawa s 37A tersebut tidak berpelembagaan, anggapan berganda yang diguna pakai oleh hakim Mahkamah Tinggi tersebut adalah salah di sisi undang-undang.

**[3]** Setelah mendengar hujahan mitigasi dari peguam perayu dan hujahan untuk pemberatan hukuman dari timbalan pendakwaraya, kami sebulat suara memutuskan perayu dijatuhkan hukuman 17 tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu pada 5 Oktober 2014 dan sepuluh kali sebatan rotan.

**[4]** Perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan melalui Notis Rayuan bertarikh 10 Disember 2021 terhadap hukuman yang mahkamah ini jatuhkan terhadap perayu pada 20 Mei 2020.

RINGKASAN FAKTA KES

**[5]** Fakta kes ini adalah mudah dan sebahagian besarnya tidak dipertikaikan oleh pihak perayu iaitu seperti berikut. Pada 5 Oktober 2014, lebih kurang jam 7pm, perayu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') dengan penerbangan Ethiopian Airlines ET618.

**[6]** Perayu kemudian telah meletakkan beg galas perayu berserta beg silang dan beg plastik berzip yang dibawa oleh perayu ke atas mesin pengimbas di KLIA tersebut untuk diimbas. Pegawai Kastam Shamsubahari bin Muhamad (SP1) yang bertugas di mesin pengimbas berkenaan mendapati suatu imej yang mencurigakan ketika beg galas perayu tersebut diimbas. Selanjutnya, SP1 telah mengarahkan perayu membawa beg-beg perayu ke kaunter pemeriksaan untuk pemeriksaan lanjut.

**[7]** Di kaunter pemeriksaan, perayu telah diarahkan untuk menggosongkan beg galas perayu tetapi perayu hanya mengeluarkan sebahagian sahaja kandungan beg galas tersebut. Sehubungan itu, SP1 telah memasukkan tangannya ke dalam beg galas berkenaan dan merasakan sesuatu benda keras dalam pakaian yang masih ada dalam beg tersebut.

**[8]** Sejurus selepas itu, SP1 meminta perayu mengemukakan paspot antarabangsa perayu kepada SP1 tetapi perayu memaklumkan bahawa paspot beliau berada dengan kawannya lalu terus beredar dari kaunter pemeriksaan tersebut, kononnya untuk mendapatkan semula paspot perayu dari kawannya itu. Walau bagaimanapun SP1 telah mengejar perayu dan dapat menahan perayu. Paspot perayu kemudiannya ditemui di dalam beg galas perayu yang di periksa di kaunter pemeriksaan.

**[9]** Seterusnya, SP1 telah membuat pemeriksaan rapi dan terperinci ke atas beg-beg perayu berkenaan dengan kehadiran perayu dan pegawai penyiasat, Chan Chon Wah (SP3). Di dalam beg galas perayu, SP1 menemukan lapan paket aluminium yang tersorok di dalam poket palsu yang dijahit pada seluar jeans yang dijumpai dalam beg galas tersebut. Apabila paket-paket tersebut dihiris, SP1 mendapati serbuk putih di dalamnya. Setelah itu, SP1 melakukan ujian kimia pada serbuk putih tersebut dengan menggunakan peralatan ujian yang ada dan mendapati serbuk putih tersebut mengandungi dadah berbahaya iaitu 1,492.6g methamphetamine. Perayu kemudiannya telah ditangkap dan beg-beg perayu tersebut dirampas.

**[10]** Pada 20 November 2014, serbuk putih yang ditemui pada seluar dalam beg galas yang dibawa oleh perayu tersebut dihantar ke jabatan kimia untuk dianalisa. Ahli kimia, Suhana bt Jaffar (SP5) yang menganalisa serbuk putih tersebut mengesahkan ianya adalah dadah berbahaya methamphetamine.

**[11]** Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi dalam mencapai keputusannya menguna pakai anggapan 'milikan' di bawah s 37(d) ADB 1952 dan anggapan 'pengedaran' di bawah s 37(da) Akta yang sama dan memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie bagi pertuduhan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) terhadap perayu. Sehubungan itu, perayu telah dipanggil untuk membela diri.

**[12]** Perayu dalam pembelaannya menyatakan bahawa beg galas yang dibawanya itu telah diberikan kepadanya oleh kawan perayu bernama Obinna untuk diberikan kepada abang Obinna yang berada di Malaysia. Perayu menjelaskan bahawa perayu tiada apa-apa pengetahuan mengenai dadah berbahaya dalam seluar yang ditemui dalam beg galas tersebut. Tujuan perayu ke Malaysia adalah untuk membeli alat gantian kereta dari pengedar di Klang Selangor.

**[13]** Selanjutnya, di akhir kes pembelaan, hakim Mahkamah Tinggi mendapati pihak perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap perayu dan mensabitkan perayu bagi kesalahan mengedar dadah tersebut dan menjatuhkan hukuman gantung sehingga mati terhadap perayu.

**[14]** Rayuan perayu ke mahkamah ini adalah terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi tersebut.

**[15]** Seperti dinyatakan terdahulu, pihak-pihak bersetuju bahawa sabitan bagi kesalahan mengedar dadah digantikan dengan sabitan bagi kesalahan memiliki dadah dan mahkamah ini mendapati terdapat keterangan yang membuktikan kesalahan perayu memiliki dadah berbahaya tersebut. Oleh

yang demikian, perayu disabitkan dengan kesalahan memiliki dadah berbahaya dan sabitan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah diketepikan.

HUKUMAN

**[16]** Prinsip am dalam menjatuhkan sesuatu hukuman adalah memberi pertimbangan utama antara lain kepada kepentingan awam. Ini ditekankan dalam kes yang sering dipetik bagi kes-kes menjatuhkan hukuman iaitu *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 di mana hakim Hashim Yeop Sani menjelaskan seperti berikut:

> *One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest.* On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v Kenneth John Ball* as follows:
>
> > *In deciding the appropriate sentence, a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life.* The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within the maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe. (Penekanan ditambah.)

**[17]** Sehubungan itu, hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu dalam kesalahan pemilikan dadah ini bukan sahaja memberi pengajaran kepada perayu untuk tidak melakukan kesalahan yang sama dan dapat berubah menjadi seorang yang baik tetapi yang lebih utama lagi, hukuman yang dijatuhkan dapat membantu mengelakkan orang lain melakukan kesalahan yang sama. Justeru itu hukuman yang terlalu ringan tidak akan dapat mencapai objektif ini. Kepentingan awam memerlukan suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, lebih-lebih lagi kesalahan berkaitan dengan dadah berbahaya ini merupakan suatu kesalahan yang serius.

**[18]** Faktor terlalu bersimpati terhadap perayu atau keluarganya tidak seharusnya menjadi penghalang untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal bagi kesalahan serius yang perayu lakukan. Faktor tersebut hendaklah diimbangi dengan faktor kepentingan awam seperti dinyatakan dalam kes *Loo Choo Fatt*:

*Presidents and magistrates are often inclined quite naturally to be oversympathetic to the accused. This is a normal psychological reaction to the situation in which the lonely accused is seen facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will also normally bring up problems of family hardship and the other usual problems of living.* In such a situation the courts might perhaps find it difficult to decide as to what sentence should be imposed so that the convicted person may not be further burdened with additional hardship. This is my view is a wrong approach. *The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interests of the accused.* Lord Goddard LCJ in *Rex v Grondkowski* offered some good advice when he said:

> The judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoners. It is too often nowadays thought, or seems to be thought, that the interests of justice means only the interests of the prisoners. (Penekanan ditambah.)

**[19]** Dalam kes ini, pertuduhan asal terhadap perayu adalah bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya yang membawa hukuman gantung sampai mati. Walau bagaimanapun, perayu amat bernasib baik kerana selepas perayu dijatuhkan hukuman mati oleh hakim Mahkamah Tinggi, undang-undang berpihak kepada perayu dengan keputusan kes *Alma Nudo*.

**[20]** Peguam perayu dalam hujahan mitigasinya hanya menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu ini merupakan kesalahan pertama perayu dan berharap dapat kembali ke negara asalnya untuk bersama keluarganya. Apabila ditanya oleh mahkamah mengenai tempoh pemenjaraan yang sesuai bagi kes terhadap perayu, peguam perayu menyatakan tempoh penjara yang sesuai adalah lebih 15 tahun tetapi tidak melebihi 18 tahun.

**[21]** Sebaliknya, timbalan pendakwaraya dalam hujahan pemberatan hukuman memaklumkan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah serius dan dadah yang dimiliki tersebut juga iaitu 1,492.6g methamphetamine, adalah suatu jumlah yang besar. Indikasi yang diberikan oleh timbalan pendakwaraya adalah tempoh hukuman penjara melebihi 17 tahun adalah bersesuaian dan selaras dengan 'trend' hukuman semasa bagi kes yang melibatkan jenis dan jumlah berat dadah methamphetamine di mana perayu telah disabitkan dengan kesalahan memilikinya.

**[22]** 'Trend' hukuman bagi kes-kes berkaitan dadah berbahaya methamphetamine yang boleh dijadikan panduan adalah seperti berikut:

| Bil | Kes | Mahkamah | Tarikh Keputusan | Catatan | Berat Dadah | Hukuman |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A.Sarpian bin Azmi V PP (05(M)-224-10/2018 05(M)-225-10/2018) | Mahkamah Persekutuan | 30.1.2020 | Pindaan dari Seksyen 39B kepada kesalahan Seksyen 12(2) dan dihukum dibawah Seksyen 39A(2)ADB 1952 | 2 pertuduhan:<br>(i) 152.62 gram methamphetamine<br>(ii)153.18 gram methamphetamine | 15 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 sebatan bagi setiap pertuduhan. |
| 2 | Syed Mazhar Ali V PP 05(M)-202-09/2018 (B) | Mahkamah Persekutuan | 25.2.2020 | Pindaan dari Seksyen 39B kepada kesalahan Seksyen 12(2) dan dihukum dibawah Seksyen 39A(2)ADB 1952 | **2196.2 gram** methamphetamine | 20 tahun penjara dari tarikh tangkap. |
| 3 | Nakamya Hadijah V PP 05(M)-43-02/2019 (B) | Mahkamah Persekutuan | 9.3.2020 | Pindaan dari Seksyen 39B kepada kesalahan Seksyen 12(2) dan dihukum dibawah Seksyen 39A(2)ADB 1952 | **1079.4 gram** methamphetamine | 17 tahun penjara dari tarikh tangkap tanpa sebatan kerana seorang wanita. |
| 4 | Liang Youmei V PP 05(M)-286-12/2018 (B) | Mahkamah Persekutuan | 2.7.2019 | Pindaan dari Seksyen 39B kepada kesalahan Seksyen 12(2) dan dihukum dibawah Seksyen 39A(2)ADB 1952 | **1529.7 gram** methamphetamine | 17 tahun penjara dari tarikh tangkap. |
| 5 | Ogbonna Kingsley Chuckwu V PP 05(M)-168-07/2018 (B) | Mahkamah Persekutuan | 2.7.2019 | Pindaan dari Seksyen 39B kepada kesalahan Seksyen 12(2) dan dihukum dibawah Seksyen 39A(2)ADB 1952 | 717.6 gram methamphetamine | 20 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 sebatan |
| 6 | PP V Tan Hong Wai B-05(H)-230-04/2018 | Mahkamah Rayuan | 5.3.2020 | Rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman penjara 11 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Tinggi. | 3384.4 gram methamphetamine | 15 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 sebatan |

**[23]** Berdasarkan 'trend' hukuman yang disenaraikan di atas, hukuman penjara bagi kesalahan pemilikan dadah methamphetamine dengan jumlah beratnya lebih kurang seperti berat pemilikan dadah oleh perayu adalah di antara 17 tahun sehingga 20 tahun penjara.

**[24]** Hukuman minima dibawah s 39A(2) pula, adalah penjara lima tahun dan hukuman maksima adalah penjara seumur hidup iaitu untuk tempoh 30 tahun dengan sepuluh sebatan rotan.

KESIMPULAN

**[25]** Berdasarkan pertimbangan kami terhadap faktor mitigasi dan hujahan pemberatan hukuman yang dikemukakan oleh timbalan pendakwaraya, prinsip-prinsip dalam menjatuhkan hukuman dan 'trend' semasa hukuman

bagi kesalahan yang sama, kami sebulat suara memutuskan bahawa hukuman yang setimpal bagi kesalahan yang dilakukan adalah penjara 17 tahun dari tarikh tangkap dengan sepuluh sebatan rotan. Hukuman ini bagi kami tidak terlalu tinggi berbanding kesalahan serius yang dilakukan oleh perayu.

*Perintah sewajarnya.*

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh